

Headline	Pasukan Nurul Huda juara rentas UUM		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	05 Feb 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	U27	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	252 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,386
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,158



Pasukan Nurul Huda juara rentas UUM

Meninggalkan pasukan Mokhtar Dahari

MARIA UFFA ZULKAFELI

SINTOK - Pasukan Nurul Huda menjuarai larian merentas kampus sempena Kejohanan Sukan Staf peringkat Universiti Utara Malaysia (UUM), baru-baru ini.

Mereka memungut mata penuh meninggalkan pasukan Mokhtar Dahari di tempat kedua, Jegathesan tempat ketiga, Nichol David tempat keempat dan akhir sekali Misbun Sidek.

Ketua Kontinjen Pasukan Nurul Huda, Profesor Ir Dr Che Sobry Abdullah ketika ditemui berkata, kejayaan pasukan ini adalah kerana komitmen daripada staf yang turun beramai-ramai bagi mewakili pasukan ini untuk menyertai rentas kampus sejauh empat kilometer ini.

"Saya melihat sukan sebegini bukan sahaja dapat menyihatkan badan, malah dapat



Pasukan Nurul Huda bergambar kenangan bersama-sama selepas acara rentas kampus UUM.

mengenali dengan lebih dekat staf yang bekerja di universiti ini," katanya.

Seramai 712 peserta menyertai acara merentas kampus yang mewakili lima pasukan di bawah lima nama besar dalam sukan negara iaitu Nurul Huda Abdullah (Renang), Allahyarham Datuk

Mokhtar Dahari (bola sepak), Jegathesan (olahraga), Datuk Nicol David (Squash) dan Datuk Misbun Sidek (badminton).

Acara larian kampus ini adalah sebahagian daripada 17 acara yang dipertandingkan dalam kalangan staf UUM yang bermula 29 Disember

tahn lalu dan berakhir pada 31 Januari lalu.

Beberapa acara lain yang dipertandingkan ialah karom, ping pong, badminton, bola tampar, sepak takraw, bola jaring, bola sepak, memanah, tenis, boling padang, golf, futsal, tenpin bowling, go-kart, olahraga dan tarik tali.